

## **FAKTOR YANG MENDORONG NIAT GURU MELAKUKAN CARUMAN INSURANS DAN TAKAFUL**

Azarudin Awang<sup>1\*</sup>, Luqman Hakim Mohamad<sup>1</sup>, Che Norzila Sulong<sup>1</sup> & Azman Che Mat<sup>2</sup>

<sup>1\*</sup>Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM Terengganu  
23000, Dungun Terengganu  
azaru154@uitm.edu.my (Corresponding Author)

<sup>2</sup>Akademi Pengajian Bahasa (APB), UiTM Terengganu  
23000, Dungun Terengganu

### **Abstrak**

#### **E-JITU**

Acceptance date:  
29 January 2023

Valuation date:  
15 March 2023

Publication date:  
22 May 2023

*Dari aspek persamaan, insurans konvensional dan takaful merupakan produk atau perkhidmatan bersifat urus niaga kepada pelanggannya. Namun Islam melarang segala bentuk urus niaga yang mengandungi unsur gharar (ketidakpastian) dan maysir (judi). Keperluan untuk membeli asset-asset harta, kesihatan atau pendidikan menjadikan masyarakat Muslim di Malaysia sama ada kakitangan kerajaan atau swasta melibatkan diri secara langsung dalam industri insurans atau takaful. Oleh kerana, pendidik merupakan kelompok yang terbesar dalam kakitangan kerajaan, pastinya mereka jugalah antara kelompok yang utama terlibat dalam caruman insurans atau takaful. Justeru, kajian ini ialah melihat faktor yang mendorong golongan pendidik di sekolah Menengah Tanah Merah, Kelantan untuk melakukan caruman dalam Insurans dan Takaful. Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif dengan mengedarkan borang soal selidik melalui Google Form kepada 277 orang guru. Seterusnya, borang soal selidik diuji menggunakan SPSS 22 dengan analisis min, sisihan piawai, peratus, ujian t dan Anova. Hasil kajian menunjukkan min terhadap faktor niat guru-guru untuk mencarum insurans atau takaful kerana manfaat, meringgankan beban, menampung kos, tempoh menunggu yang lama di hospital kerajaan dan simpanan untuk pendidikan berada pada tahap yang tinggi. Manakala bagi faktor niat mencarum insurans atau takaful sebagai satu bentuk pelaburan dan kerana jangka hayat pelanggan semakin singkat menunjukkan min berada pada tahap yang sederhana. Biar pun begitu, majoriti niat responden bersetuju untuk memilih insurans yang berasaskan patuh syariah berbanding yang konvensional. Kajian ini penting kerana ia dapat mengenal pasti niat sebenar dan kecenderungan guru-guru melakukan caruman dalam insurans atau takaful.*

**Kata kunci:** Faktor, Niat, Guru, Insurans Konvensional, Takaful

## ***FACTORS ENCOURAGE TEACHERS' INTENT TO MAKE CONTRIBUTIONS IN INSURANCE AND TAKAFUL***

### ***Abstract***

*From the point of view of similarity, conversion insurance and takaful are transactional products or services for its customers. However, Islam prohibits all transactions containing gharar (uncertainty) elements and maysir (gambling). The need to buy property, health or education makes the Muslim community in Malaysia, whether government or private employees, directly engage in the insurance or takaful industry. Since educators are the largest group of government employees, they are certainly one of the main groups involved in insurance contributions or takaful. Therefore, this study is to look at the factors that encourage educators at Tanah Merah Secondary School, Kelantan to make contributions in Insurance and Takaful. This study uses a quantitative method by distributing questionnaires via Google Forms to 277 teachers. Next, the questionnaire was tested using SPSS 22 with analysis of mean, standard deviation, percentage, t-test and Anova. The results of the study show that the mean of teachers' involvement factors because of the benefits, lightening the burden, covering costs, long waiting periods at government hospitals and savings for education is at a high level. While for the factor as a form of investment and because the customer's lifespan is getting shorter, the mean is at a moderate level. Even so, the majority of the respondents agreed to choose sharia-compliant insurance over conventional insurance. This study is important because it shows the true intention of teachers to make contributions in insurance or takaful.*

***Keywords:*** *Factors, Intention, Teacher, Conventional Insurance, Takaful*

### **PENGENALAN**

Industri insurans telah sekian lama berkembang pesat di Malaysia dengan pentambahan jumlah dana yang besar, peningkatan bilangan syarikat yang mengendalikan urusan insurans dan pertambahan jumlah pencarum. Perihal ini dikaitkan dengan keperluan-keperluan semasa dan akan datang manusia untuk mendapatkan jaminan keselamatan akibat musibah-musibah yang berlaku ke atas diri mereka. Bagi masyarakat Muslim di Malaysia, industri insurans berkonsepkan patuh syariat yakni takaful turut berkembang pesat selari dengan selari perkembangan sistem kewangan Islam.

### **PERMASALAHAN KAJIAN**

Kajian yang dilakukan oleh Mohd Naim et al., (2020) mendapati walaupun industri insurans konvensional dan berkonsepkan patuh syariat (takaful) berkembang pesat di Malaysia, namun komuniti Islam itu sendiri tidaklah sepenuhnya menerima dan melanggan perkhidmatan yang ditawarkan oleh takaful. Pengarah Urusan Medicare Assistance Sdn Bhd (Medicare), K. Palanisamy menyatakan bahawa tahap kesedaran dalam kalangan penjawat awam untuk memiliki insurans dan takaful di Malaysia didapati masih rendah. Kebanyakan daripada mereka memberi alasan 'tidak mampu' walhal

syarikat-syarikat insurans dan takaful menawarkan harga premium serendah enam ringgit sahaja untuk sebulan (Harian Metro, 2018).

Begitu juga kajian yang dilakukan oleh Aidil Syukri (2019) mendapati bahawa walaupun takaful merupakan insurans yang patuh syariah namun niat untuk melanggan takaful ternyata masih rendah dalam kalangan masyarakat Islam. Mohd Naim et al., (2020) mengaitkan faktor kurangnya kesedaran terhadap peranan takaful walaupun secara asasnya mereka mengetahui syarikat takaful beroperasi dan mengikuti prinsip-prinsip yang digariskan oleh Islam, iaitu berasaskan prinsip ketelusan, keadilan dan kerjasama di antara peserta. Kajian yang dilakukan oleh Azarudin et al. (2022) mendapati tahap pengetahuan guru sebagai kakitangan kerajaan yang teramai terhadap sifat insurans konvensional dan takaful berada pada tahap yang tinggi. Walaupun begitu, kajian mendapati hanya 15% sahaja daripada penjawat awam yang majoritinya beragama Islam hanya mencarum takaful (Mohd Naim et al. 2020). Dengan demikian, kajian ini dilakukan bagi melihat niat yang mendorong dan seterusnya melakukan pemilihan dalam kalangan kakitangan kerajaan khususnya penglibatan dalam kalangan guru sekolah Menengah di daerah Tanah Merah untuk mencarum insurans dan takaful.

## **SOROTAN LITERATUR**

Dari aspek teoritikal, takaful dan insurans konvensional mempunyai perbezaan dari segi kontrak, namun matlamat kedua-duanya adalah sama, iaitu melindungi para pencarumnya dan membantu untuk mengurangkan bebanan apabila berlakunya sebarang musibah atau kemalangan. Berkait dengan ini, Syazwani et al. (2018) menyatakan insurans merupakan satu bentuk perbelanjaan yang dilakukan bagi melindungi sebarang akibat yang tidak diinginkan seperti kematian, kemalangan, kecederaan yang memerlukan kepada pembiayaan kos. Namun didapati wujud perbezaan dengan insurans konvensional di mana kaedah pelaksanaan insurans patuh syariah yakni takaful berasaskan etika dan standard yang telah ditetapkan oleh Islam. Dalam kata lain, nilai-nilai seperti *taa'wun* (kerjasama) dan *tabarru'* (pemberian) menjadi intipati dalam takaful iaitu peserta yang komited untuk mengambil bahagian untuk *tabarru'*, perlulah berjanji untuk membayar dan memenuhi komitmennya demi memberi sokongan serta jaminan secara bersama sekiranya terdapat mana-mana rakan caruman mengalami sebarang bentuk musibah. Berdasarkan kenyataan di atas, individu yang melakukan caruman dalam insurans atau takaful kerana jangkaan mereka merasakan mungkin terdedah kepada pelbagai musibah dan risiko yang memerlukan kepada perbelanjaan luar jangka yang melibatkan aspek kesihatan, kecacatan dan hayat, kehidupan keluarga, kenderaan, tempat tinggal malah menyentuh aspek pendidikan.

Niat seringkali dikaitkan dengan kehendak, kecenderungan atau keinginan jiwa untuk melakukan sesuatu. Berdasarkan *Kamus Dewan* (2015), niat dijelaskan sebagai maksud atau tujuan sesuatu perbuatan. Imam Al-Ghazali (1990) menjelaskan niat merupakan kehendak yang ingin dikecapi sama ada perkara tersebut menyentuh *duniawi* atau *ukhrawi*. Lazimnya kedudukan niat terletak di antara pengetahuan dan kekuatan untuk membuat sesuatu pilihan kerana kehendak akan menyusul setelah adanya pengetahuan. Berdasarkan satu hadis Rasulullah yang menyatakan “*Sesungguhnya setiap amalan berdasarkan niat dan sesungguhnya setiap orang mengikut yang dia niat*” (lihat hadis Bukhari, 1972). Dengan demikian setiap tingkah laku atau amalan untuk mencarum dalam insurans semestinya bermula dengan niat. Kajian

yang dilakukan oleh Rossje dan Fitri (2021) menjelaskan bahawa kepastian terhadap status ‘halal’ dalam sesuatu produk menjadi faktor yang signifikan bagi pelanggan Muslim menentukan niat untuk membeli sesuatu produk. Manakalan Lim Phui Guan et al. (2020) menyatakan konsep ‘niat membeli’ merujuk kepada satu kemungkinan pelanggan untuk membuat pilihan terhadap jenama atau barangan dalam situasi pembelian tertentu. Dalam situasi ini dapat dikenalpasti bahawa pelanggan melakukan penilaian terhadap produk dan perkhidmatan yang ditawarkan.

Kajian yang dilakukan oleh Aidil Syukri (2019) mendapati faktor celik kewangan dan pengaruh sosial mempunyai hubungan positif yang signifikan terhadap niat untuk melanggan produk insurans. Musibah, kecelakaan dan kemalangan yang tidak dijangka dan berlaku di luar kawalan boleh terjadi pada bila-bila masa dan kepada sesiapa sahaja. Apa yang ada dalam kawalan kita ialah bagaimanakah seseorang itu bersedia untuk berhadapan dengan situasi-situasi tersebut. Maka melalui amalan tabungan insurans atau takaful, manfaatnya sangat membantu dalam situasi sekiranya dana kecemasan tidak mencukupi. Dalam kata lain, manfaat insurans dan takaful ini akan menanggung ahli waris dan memastikan hidup mereka dapat diteruskan sekiranya berlaku kematian (Ivlynn Yap, 2021). Kajian yang dilakukan oleh Mohd Naim et al. (2020) pula mendapati faktor sikap, norma subjektif dan jumlah maklumat merupakan antara faktor terpenting dan mempunyai hubungan positif dalam menentukan niat peserta Muslim untuk menyertai kaedah insurans Islam. Ayinde dan Echhabi (2012) pula menyatakan bahawa terdapat lima faktor yang mempengaruhi pelanggan Muslim untuk mencarum insurans antaranya ialah ketidakpastian, kelebihan yang relatif, keserasian, pengaruh sosial dan kesedaran. Mohamad Idham et al., (2013) dalam kajiannya mendapati faktor-faktor yang mempengaruhi penerimaan terhadap takaful dalam kalangan masyarakat Malaysia adalah berkait rapat dengan persepsi, ciri-ciri produk, promosi serta faedah dan perkhidmatan yang berkualiti. Selanjutnya Ngah et al (2016) pula menyatakan dari segi faktor lain dengan menyenaraikannya seperti komitmen pekerja, penggunaan teknologi, memahami konsep Islam dan keadilan pengagihan kepada pelanggan turut mempengaruhi niat pelanggan untuk memilih insurans. Justeru berdasarkan kajian di atas, dapat dirumuskan bahawa terdapat banyak faktor yang mendorong niat masyarakat untuk melakukan pemilihan insurans atau takaful di Malaysia.

## **METODOLOGI KAJIAN**

### **Reka bentuk kajian**

Kajian kes ini dilakukan bagi mengenalpasti faktor-faktor yang mendorong niat para guru di daerah Tanah Merah, Kelantan untuk melakukan caruman insurans atau takaful. Menurut Abdul Majid Konting (2009) kajian sebegini merupakan satu bentuk penyelidikan yang dijalankan secara mendalam oleh pengkaji ke atas unit-unit kecil sosial sama ada individu, satu keluarga, satu kelab, satu kampung, satu sekolah atau sesebuah masyarakat.

### **Populasi dan Persampelan**

Jumlah guru yang berdaftar pada tahun 2017 yang di negeri Kelantan berjumlah 29138 orang (<https://www.data.gov.my/>). Oleh kerana jumlah guru yang terlalu ramai, pengkaji

memilih kaedah kajian persampelan bertujuan (*purposive sampling*) iaitu kaedah yang merujuk kepada satu kelompok yang mempunyai ciri-ciri sampel yang diinginkan (Mokhtar 2011). Justeru. Pengkaji hanya mengambil responden dari 5 buah sekolah sahaja di Tanah Merah sebagai lokasi kajian. Jumlah populasi guru-guru di semua sekolah tersebut berjumlah 513 orang manakala jumlah sampel yang diperolehi pula ialah seramai 257 orang. Hal ini bermakna jumlah tersebut melebihi saiz sampel yang dicadangkan oleh Krecie & Morgan (1970) iaitu apabila populasi 550 orang, saiz sampel mencukupi dengan jumlah 123 orang sahaja.

### **Kaedah Pengumpulan Data**

Setelah dilakukan semakan pakar, borang soal selidik diedarkan melalui *google form* kepada responden bagi memperolehi maklumbalas. Soal selidik dibahagikan kepada tiga bahagian, iaitu bahagian A: Maklumat Profil Responden, bahagian B: Faktor Yang Mendorong Niat Melakukan Caruman Insurans atau Takaful, C: Sikap Responden Terhadap Insurans dan Takaful. Ujian kebolehpercayaan telah dilakukan ke atas item-item yang dinyatakan dengan hasil dapatan menunjukkan *Cronbach's Alpha* menunjukkan bacaannya adalah 0.853. Merujuk kenyataan Pallant (2007) bahawa apabila semakin hampir *reliability coefficient* kepada 1.0, bermakna tahap kebolehpercayaannya adalah lebih tinggi. Ini selari dengan indeks yang dikemukakan oleh Rowntree bahawa tahap *Cronbach's Alpha* = 0.71 - 0.90 merupakan tahap kebolehpercayaan yang tinggi (Ahmad Sunawari 2009).

### **Analisis Data**

Secara keseluruhannya, data-data yang diperolehi adalah dilakukan analisis secara deskriptif menggunakan SPSS 26. Selanjutnya, analisis untuk melihat min dan sisihan piawai (s.p) dilakukan ke atas soalan-soalan yang diberikan dengan menggunakan likert lima iaitu (1) sangat tidak bersetuju, (2) tidak bersetuju, (3) Tidak Pasti, (4) Setuju dan (5) Sangat Setuju. Apabila skala ini dibahagikan kepada tiga tahap, angka 1.00-2.49 menjadi indikator kepada tahap rendah, 2.50-3.49 mewakili tahap sederhana dan 3.50-5.00 mewakili tahap tinggi

## **DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN**

### **Demografi Responden**

Jumlah keseluruhan responden yang terlibat dalam kajian ini adalah seramai 257 orang. Seramai 179 orang atau 69.6% daripada mereka adalah guru perempuan manakala bilangan responden lelaki hanya seramai 78 orang atau 30.4% sahaja. Responden yang berkahwin merupakan kelompok yang paling dominan iaitu seramai 247 orang responden atau mewakili 96.1%, manakala kelompok bujang hanya 10 orang atau bersamaan 3.9%. Dari segi umur, seramai 10 responden (3.9%) berumur antara 25 hingga 35 tahun, 52 responden (20.2%) berumur 36 hingga 45 tahun, 158 daripadanya berumur 46 hingga 55 (61.5%) dan hanya seramai 37 responden berumur 56-60 atau mewakili 14.4% daripada jumlah keseluruhan. Dari aspek akademik, majoriti responden memiliki ijazah sarjana muda iaitu seramai 240 orang atau 93.4%. Responden yang mempunyai ijazah sarjana

pula adalah seramai 15 orang 5.8% daripada jumlah keseluruhan. Hanya seorang (4%) sahaja responden yang mempunyai Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan seorang (0.4%) mempunyai Diploma.

### **Faktor Yang Mendorong Niat Mencarum Dalam Kalangan Guru**

Pengkaji mengemukakan 7 soalan berkaitan untuk mengenal pasti faktor yang mempengaruhi niat guru untuk melakukan caruman dalam insurans atau takaful dan persepsi mereka dalam melakukan caruman dalam produk tersebut.

Jadual 1: Niat Responden Untuk Melakukan Caruman Insurans dan Takaful

<b>BIL</b>	<b>PERKARA</b>	<b>MIN</b>	<b>S.P</b>	<b>SKALA</b>
1	Saya menggunakan produk insuran/takaful kerana ia mampu memberikan manfaat ketika berlaku kecemasan.	4.06	0.803	Tinggi
2	Saya menggunakan insuran/takaful sebagai salah satu platform pelaburan yang memberikan keuntungan	3.40	0.909	Sederhana
3	Saya menggunakan insuran/takaful kerana ia mampu meringankan beban ketika berlaku kemalangan	4.05	0.789	Tinggi
4	Saya menggunakan insuran/takaful kerana kos perubatan yang meningkat pada masa kini.	4.06	0.822	Tinggi
5	Saya menggunakan insuran/takaful kerana tempoh menunggu di hospital kerajaan yang amat lama.	3.89	0.923	Tinggi
6	Saya menggunakan insuran/takaful kerana jangka hayat hidup yang makin singkat.	3.34	1.027	Sederhana
7	Saya menggunakan insuran/takaful sebagai simpanan untuk pendidikan anak-anak saya.	3.99	0.833	Tinggi

Majoriti responden bersetuju menyatakan bahawa tarikan produk insurans atau takaful kerana ia mampu memberikan manfaat ketika berlaku kecemasan pada tahap yang tinggi apabila nilai min yang diperolehi ialah 4.06 (s.p 0.803). Namun responden mengakui bahawa insurans atau takaful sebagai salah satu platform pelaburan yang memberikan keuntungan berada pada tahap yang sederhana apabila nilai min yang diperolehi 3.40 (s.p 0.909) sahaja. Bagi soalan yang seterusnya, responden mengakui bahawa insurans atau takaful mampu meringankan beban ketika berlaku kemalangan berada pada tahap yang lebih tinggi apabila nilai min yang diperolehi 4.05 (s.p 0.789).

Begitu juga bagi soalan berikut, responden mengakui bahawa insurans dan takaful mampu menampung kos perubatan yang meningkat pada masa kini berada pada tahap yang tinggi. Ini dibuktikan apabila nilai min yang diperolehi 4.06 (s.p 0.822). Responden juga mengakui bahawa orang ramai menggunakan insurans atau takaful kerana tempoh menunggu di hospital kerajaan yang agak lama. Hasil dapatan min dengan 3.89 (s.p 0.903) menunjukkan darjah persetujuan berada pada tahap yang tinggi. Namun bagi soalan yang berikutnya, darjah persetujuan terhadap bagi soalan menggunakan insurans atau takaful kerana faktor jangka hayat hidup yang semakin singkat berada pada tahap yang sederhana apabila skala min yang diperolehi menunjukkan bacaan 3.34 (s.p 1.027). Bagi soalan tujuan untuk kegunaan pendidikan masa depan anak-anak, dapatan min 3.99 (s.p 0.833) menunjukkan darjah persetujuan yang diberikan berada pada tahap yang tinggi.

**1. Ujian-t Faktor Berdasarkan Jantina**

Seterusnya ujian-*t* dilakukan untuk melihat min, sisihan piawai dan keputusan faktor guru-guru tentang insurans berdasarkan kategori jantina.

Jadual 2: Ujian-t terhadap niat Responden untuk Melakukan Caruman Berasaskan Jantina

**Group Statistics**

	Jantina	N	Mean	Std. Deviation	Std. Error Mean
Faktor	Lelaki	78	3.9505	.57551	.06516
	Perempuan	179	3.7717	.65719	.04912

**Independent Samples Test**

		Levene's Test for Equality of Variances		t-test for Equality of Means						
		F	Sig.	t	df	Sig. (2-tailed)	Mean Difference	Std. Error Difference	95% Confidence Interval of the Difference	
							Lower	Upper		
Faktor	Equal variances assumed	4.312	.039	2.080	255	.039	.17880	.08597	.00951	.34810
	Equal variances not assumed			2.191	166.161	.030	.17880	.08160	.01769	.33992

Jadual 2 di atas menunjukkan min bagi guru-guru lelaki ialah 3.95 dengan s.p (0.576) lebih tinggi daripada min guru-guru perempuan 3.77 dengan s.p (0.657) dengan perbezaan min juga hanya 0.18 mata sahaja. Berdasarkan hasil dapatan *Sig. (2tailed)*  $0.039 < 0.05$  menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan antara min faktor guru-guru lelaki dan perempuan terhadap penyertaan dalam insurans.

## 2. Analisis Varian (ANOVA) Faktor Berdasarkan Demografi

Selanjutnya, keputusan analisis varian (ANOVA) bagi min faktor penyertaan guru berdasarkan status perkahwinan, umur, bangsa, pendapatan dan tahap pendidikan seperti jadual 3 di bawah:

Jadual 3: Ujian Anova Niat Responden Untuk Melakukan Caruman Insurans dan Takaful Berasaskan Demografi

		ANOVA				
		Sum of Squares	df	Mean Square	F	Sig.
Status_ Perkahwinan	Between Groups	1.002	20	.050	.850	.650
	Within Groups	13.901	236	.059		
	Total	14.903	256			
Umur	Between Groups	13.440	20	.672	1.431	.109
	Within Groups	110.794	236	.469		
	Total	124.233	256			
Bangsa	Between Groups	.662	20	.033	.658	.864
	Within Groups	11.867	236	.050		
	Total	12.529	256			
Pendapatan	Between Groups	2.668	20	.133	.499	.966
	Within Groups	63.138	236	.268		
	Total	65.805	256			
Tahap_Pendidikan	Between Groups	1.290	20	.065	.839	.665
	Within Groups	18.150	236	.077		
	Total	19.440	256			

Status perkahwinan memperlihatkan nilai  $F = 0.850$  dan nilai  $p = 0.650$ , iaitu  $p > 0.05$  adalah tidak signifikan. Hal ini bermakna, faktor status perkahwinan bukanlah faktor yang signifikan yang mempengaruhi faktor penyertaan guru terhadap insurans. Keputusan analisis varian (ANOVA) juga bagi min faktor penyertaan guru mengikut kategori umur memperlihatkan nilai  $F = 1.311$  dan nilai  $p = 0.109$ , iaitu  $p > 0.05$  juga adalah signifikan. Ini bermakna, hasil dapatan menunjukkan terdapat perbezaan yang



signifikan umur guru 25-35 tahun, 36-45 tahun, 46-55 tahun dan lebih daripada 55 tahun dalam mempengaruhi penyertaan mereka dalam insurans. Keputusan analisis varian (ANOVA) bagi min faktor guru mengikut kategori bangsa memperlihatkan nilai  $F = 0.658$  dan nilai  $p = 0.864$ , iaitu  $p > 0.05$  juga adalah tidak signifikan. Ini bermakna, hasil dapatan menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi kategori bangsa guru sama ada Melayu, Cina atau Kadazan dalam mempengaruhi niat mereka dalam menyertai insurans. Begitu juga, hasil ujian hipotesis analisis varian (ANOVA) min pengetahuan dalam kalangan guru berdasarkan tahap pendidikan menunjukkan nilai  $F = 0.839$  dan nilai  $p = 0.665$ , iaitu  $p > 0.05$  juga adalah tidak signifikan. Justeru itu, dapatan menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara guru lepasan SPM, diploma, ijazah sarjana muda dan sarjana dalam mempengaruhi niat penyertaan mereka dalam insurans. Manakala, hasil dapatan hipotesis analisis varian (ANOVA) min faktor penyertaan guru berdasarkan jumlah pendapatan juga menunjukkan nilai  $F = 0.499$  dan nilai  $p = 0.966$ , iaitu  $p > 0.05$  adalah tidak signifikan. Ini menjelaskan bahawa hasil dapatan menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara guru-guru berdasarkan kategori jumlah pendapatan sama ada kecil atau besar dalam mempengaruhi niat penyertaan mereka dalam insurans. Ini dijelaskan sebagaimana dalam jadual 3 di bawah:

### 3. Niat Pemilihan Melakukan Pemilihan Jenis Caruman

Responden juga ditanya 3 soalan secara perbandingan tentang takaful dan insurans konvensional. Hasil kajian mendapati, majoriti responden berpandangan pengurusan takaful lebih cekap berbanding insurans konvensional berada pada tahap yang tinggi apabila min yang diperolehi adalah 4.05 (sp 0.769). Namun begitu, bagi soalan faktor takaful memberi keuntungan yang tinggi berbanding insurans konvensional, bacaan min 3.42 (s.p 0.797) menunjukkan ia berada pada tahap yang sederhana. Majoriti responden mengakui bahawa insurans konvensional dilarang dalam Islam pada tahap yang tinggi apabila nilai min yang diperolehi adalah 4.03. Ini dijelaskan sebagaimana jadual 4 di bawah:

Jadual 4: Niat Melakukan Pemilihan Insurans

BIL	PERKARA	MIN	S.P	SKALA
8	Saya rasa insurans takaful lebih cekap berbanding insurans konvensional.	4.05	0.769	Tinggi
9	Saya menggunakan takaful kerana ia memberi keuntungan yang tinggi berbanding insurans konvensional	3.42	0.797	Sederhana
10	Saya mengetahui insurans konvensional dilarang dalam Islam.	4.03		Tinggi

#### 4. Ujian-t Niat Melakukan Pemilihan Berdasarkan Jantina

Ujian-*t* dilakukan untuk melihat min, sisihan piawai dan keputusan niat guru-guru untuk melakukan pemilihan sama ada insurans konvensional atau takaful berdasarkan kategori jantina.

Jadual 5: Ujian T Berdasarkan Jantina Terhadap Pemilihan Insurans

Group Statistics					
	Jantina	N	Mean	Std. Deviation	Std. Error Mean
Pemilihan	Lelaki	78	3.5983	.56435	.06390
	Perempuan	179	3.5345	.48885	.03654

Independent Samples Test										
		Levene's Test for Equality of Variances		t-test for Equality of Means						
		F	Sig.	t	df	Sig. (2-tailed)	Mean Difference	Std. Error Difference	95% Confidence Interval of the Difference	
									Lower	Upper
Pemilihan	Equal variances assumed	.254	.614	.918	255	.360	.06384	.06958	-.07318	.20086
	Equal variances not assumed			.867	129.590	.387	.06384	.07361	-.08179	.20947

Min bagi guru-guru lelaki ialah 3.60 dengan s.p (0.564) lebih tinggi daripada min guru-guru perempuan 3.53 dengan s.p (0.489) dengan perbezaan min juga hanya 0.07 mata sahaja. Namun, berdasarkan hasil dapatan *Sig. (2tailed)*  $0.36 < 0.05$  pula menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara min niat guru-guru lelaki dan perempuan terhadap dalam mereka membuat untuk melakukan caruman.

**5. Analisis Varian (ANOVA) Niat Pemilihan Berdasarkan Demografi**

Selanjutnya, keputusan analisis varian (ANOVA) bagi min niat dalam melakukan pemilihan guru mengikut kategori berasaskan status perkahwinan, umur, bangsa, pendapatan dan tahap pendidikan seperti jadual 6 di bawah:

Jadual 6: Demografi Responden Terhadap Niat Pemilihan Insurans

		ANOVA				
		Sum of Squares	df	Mean Square	F	Sig.
Status_Perkahwinan	Between Groups	.181	9	.020	.526	.855
	Within Groups	9.430	247	.038		
	Total	9.611	256			
Umur	Between Groups	.942	9	.105	.841	.579
	Within Groups	30.731	247	.124		
	Total	31.673	256			
Bangsa	Between Groups	1.402	9	.156	3.457	.000
	Within Groups	11.128	247	.045		
	Total	12.529	256			
Pendapatan	Between Groups	6.039	9	.671	2.773	.004
	Within Groups	59.767	247	.242		
	Total	65.805	256			
Tahap_Pendidikan	Between Groups	1.387	9	.154	2.109	.029
	Within Groups	18.053	247	.073		
	Total	19.440	256			

Status perkahwinan menunjukkan  $F = 0.526$  dan nilai  $p = 0.855$ , iaitu  $p > 0.05$  juga adalah tidak signifikan. Begitu juga keputusan analisis varian (ANOVA) bagi min

niat guru berdasarkan peringkat umur menunjukkan nilai  $F = 0.841$  dan nilai  $p = 0.579$ , iaitu  $p > 0.05$  juga adalah tidak signifikan. Namun, keputusan analisis varian (ANOVA) bagi min niat dalam melakukan pemilihan guru mengikut kategori bangsa pula memperlihatkan nilai  $F = 3.457$  dan nilai  $p = 0.00$ , iaitu  $p < 0.05$  menunjukkan ianya signifikan. Ini bermakna, hasil dapatan menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan bagi kategori bangsa guru sama ada Melayu, Cina atau Kadazan dalam mempengaruhi niat mereka dalam menyertai insurans. Hasil dapatan hipotesis analisis varian (ANOVA) min faktor penyertaan guru berdasarkan jumlah pendapatan juga menunjukkan nilai  $F = 2.773$  dan nilai  $p = 0.004$ , iaitu  $p < 0.05$  adalah signifikan. Ini menjelaskan bahawa hasil dapatan menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara guru-guru berdasarkan kategori jumlah pendapatan sama ada kecil atau besar dalam mempengaruhi niat penyertaan mereka terhadap insurans. Begitu juga, hasil ujian hipotesis analisis varian (ANOVA) min niat dalam melakukan pemilihan dalam kalangan guru berdasarkan tahap pendidikan menunjukkan nilai  $F = 2.109$  dan nilai  $p = 0.029$ , iaitu  $p < 0.05$  menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan. Justeru itu, dapatan menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan antara guru lepasan SPM, diploma, ijazah sarjana muda dan sarjana dalam mempengaruhi niat penyertaan mereka terhadap insurans. Ini dijelaskan sebagaimana jadual 6 dibawah.

## PERBINCANGAN

Pembelian insurans atau takaful menjadi keperluan kepada para guru kerana mereka memerlukan kediaman dan kenderaan sebagai keperluan harian dan memerlukan jaminan untuk merawat kesihatan dan pendidikan sekiranya diri atau keluarga mereka berada dalam situasi yang sukar atau di luar jangka. Justeru dengan mengambilkira perkhidmatan yang ditawarkan oleh jabatan-jabatan kerajaan agak lambat dan kadang kala pula terpaksa menunggu giliran yang agak panjang, maka dengan adanya insuran guru boleh membuat pilihan untuk mengambil perkhidmatan yang ditawarkan oleh syarikat swasta. Bagi responden yang menghidap penyakit kronik misalnya tidak perlu lagi merasa terbeban atau berada dalam suasana kesakitan dan kesulitan yang panjang kerana mempunyai pilihan untuk mendapat rawatan yang cepat dan terbaik. Insurans dan takaful merupakan satu bentuk jaminan simpanan yang boleh digunakan untuk pelbagai fungsi. Antaranya sebagai sumber pendidikan bagi anak-anak sekiranya mereka melanjutkan dari sekolah ke pusat pengajian tinggi. Memandangkan saban tahun berlaku peningkatan kemasukan pelajar-pelajar ke IPT/IPTS, sudah tentu tidak mungkin kerajaan menyalurkan sepenuhnya bantuan ke atas pelajar. Dari sudut yang lain, ibu-bapa akan merasa terbeban untuk mengeluarkan perbelanjaan yang besar apatah lagi kadang kala bidang yang ditawarkan memerlukan perbelanjaan yang agak besar. Justeru sama ada insurans atau takaful, responden meyakini bahawa produk tersebut sedikit sebanyak mampu meringankan beban pencarum. Dengan demikian di dapati, antara faktor yang merangsang niat para guru untuk membeli insurans atau takaful ialah produk yang ditawarkan, jaminan perkhidmatan dan simpanan; dan mengurangkan bebanan ketika berlakunya kesukaran hidup. Namun, kajian yang dilakukan oleh Lim Phui Guan et al. (2020) menjelaskan bahawa faktor pemilihan masyarakat di Malaysia terhadap sesuatu produk insurans banyak dipengaruhi oleh tawaran jenis produk, harga yang ditawarkan dan juga bagaimana cara produk tersebut mengenengahkan sesuatu promosi.

Tuntasnya, niat untuk membeli dan membuat pemilihan insurans banyak dipengaruhi oleh status quo guru-guru. Justeru guru-guru yang mempunyai keluarga mempunyai kebarangkalian yang tinggi untuk memiliki produk insurans. Hal yang sama boleh dikaitkan dengan faktor bangsa dan pendapatan. Apa yang penting kini kesedaran untuk memiliki insurans adalah lebih tinggi dalam kalangan guru-guru yang berlainan bangsa dan yang mempunyai lebih pendapatan. Oleh kerana majoriti responden merupakan penjawat awam adalah beragama Islam, didapati niat untuk memilih takaful lebih tinggi daripada insurans konvensional. Perihal ini didorong oleh tahap pengetahuan mereka yang tinggi tentang kepatuhan syariah yakni sebarang bentuk jual beli yang mengandungi unsur riba, *gharar* dan *masyir* wajar di jauhi atau dihindari sama sekali. Kajian ini selari dengan kajian yang dilakukan oleh Muhamad Mu'izz et al. (2020) yang menyatakan bahawa produk takaful menjadi suatu keperluan atau kemestian yang tidak dapat disangkal lagi pada masa kini disebabkan masalah tekanan hidup, faktor ekonomi, dan demografi.

### **KESIMPULAN**

Keperluan semasa dan mendatang terhadap perlindungan kesihatan, hayat, pendidikan, aset dan sebagainya menyebabkan guru-guru perlu membuat perancangan awal dari segi caruman yang sewajarnya terhadap insurans atau takaful. Kajian mendapati faktor yang mendorong niat guru-guru untuk melakukan caruman sama ada insurans konvensional dan takaful berada pada tahap tinggi bagi tujuan mendapat manfaat apabila menerima musibah, mengurangkan beban, menggunakannya bagi tujuan kesihatan dan perkhidmatan; dan sebagai caruman pendidikan untuk anak-anak. Walau bagaimanapun, niat guru-guru untuk melakukan caruman insurans atau takaful kerana tujuan pelaburan dan faktor jangka hayat yang semakin kurang berada pada tahap yang sederhana. Oleh kerana majoriti guru-guru adalah mereka yang beragama Islam, maka kebanyakan daripada mereka melakukan niat untuk memilih penggunaan produk insurans yang patuh syariah, iaitu takaful.

### **SUMBANGAN PENULIS BERSAMA**

Penulis mengakui bahawa tidak terdapat kepentingan peribadi dalam penerbitan artikel ini. Penulis pertama melakukan kajian literatur, metodologi, analisis data, penambahbaikan terhadap perbincangan dan semakan terhadap rujukan. Penulis kedua menulis kajian literatur, pengumpulan data dan perbincangan. Penulis ketiga melakukan penambahbaikan terhadap sorotan literatur manakala penulis keempat menjalankan semakan terhadap struktur ayat, analisis dan perbincangan.

### **PENGHARGAAN**

Penghargaan kepada guru-guru di Tanah Merah, Kelantan atas kerjasama yang diberikan.

**RUJUKAN**

- Ahmad Sunawari Long, (2009). *Pengenalan Penyelidikan Pengajian Islam*. Bangi: UKM.
- Abdul Majid Konting. (2009). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Aidil Syukri Bin Shaari. (2019). The Factors That Influence Intention to Subscribe With Takaful Among Public Servant in Perlis. Tesis MA UUM.
- Azarudin bin Awang, Luqman Hakim bin Mohamad, Ahmad Faizal bin Ramly & Che Norzila binti Sulong. (2022). Pengaruh Pengetahuan Terhadap Persepsi Guru Dalam Memilih Manfaat Insurans Konvensional Dan Takaful: Kajian Di Tanah Merah. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)* 7 (47), 566 - 581
- Ayinde, L. O., & Echchabi, A. (2012). Perception and Adoption of Islamic Insurance in Determinants towards Takaful Products in Malaysia. *International Journal of Humanities and Social Science* 3(0), 243-252.
- <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2018/12/404183/kakitangan-awam-kurang-kesedaran-insurans>. Kakitangan Awam Kurang Kesedaran Insurans. Diakses pada 16/1/2023.
- [https://www.data.gov.my/data/ms\\_MY/dataset/bilangan-guru-kelantan](https://www.data.gov.my/data/ms_MY/dataset/bilangan-guru-kelantan). Bilangan Guru Mengikuti Sekolah dan PPD di Kelantan. Diakses pada 30 Ogos 2022.
- Imam Al-Ghazali (1990). *Bimbingan Mu'minin Pada Mencari Tedha Rabbil 'Alamin*. Terjemahan Syed Ahmad Semait. Pustaka Nasional Pte Ltd: Singapura.
- Ivlynn Yap. Kepentingan takaful dan insurans dalam keadaan tidak menentu. Dalam Sinar Harian 5 Julai 2021.
- Lim Phui Guan, Dayang Hasliza Muhd Yusuf dan Mohd Rosli Abdul Ghani. (2020). Factors Influencing Customer Purchase Intention Towards Insurance Products. *International Journal of Business and Management* 4(5): 70-79.
- Kamus Dewan*. (2015). Dewan Bahasa & Pustaka. Kuala Lumpur.
- Krejcie, R. V., & Morgan, D. W. (1970). Determining Sample Size for Research Activities. *Educational and Psychological Measurement*, 30, 607-610.
- Mohd Naim Mustafa, Nurul Huda Abdul Majid dan Lydiawaty Hasan Busry. 2020. Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Niat Menyertai Takaful Kenderaan Di Kalangan Kakitangan Jakim. Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan ke-5 (PASAK5 2020) – Dalam Talian 24 & 25 November 2020. 287-297.
- Mohamad Idham Md Razak Rafidah Idris Mimihayu Md Yusof & Wan Effa Jaapar & Mohammad Nazri Ali (2013). Acceptance toward Determinants Takaful Products and Services. *International Journal of Humanities and Social Science* 3(17), 243-252.
- Mokhtar Ismail. (2011), *Kaedah Penyelidikan Kuantitatif dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Muhamad Mu'izz Bin Abdullah, Mohamad Fadzil Bin Mohamad dan Muhaimin Bin Yaakob. (2020). Pelaksanaan Amanah Takaful Di Malaysia: Analisis Menurut Perspektif Maqasid Syariah. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)* 5(30), 1-12.

- Muhammad bin Ismail Abu °Abd Allah Al-Bukhari. (1972). *Jami°Al-Sahih*. Qaherah: Al-Matba°ah al Salfiyah Wa maktabahah.
- Ngah, H.C., Rashid, K. M., & Mansor, N. (2016). Determinants of Customer Satisfaction in Takaful Products and Services. *Journal of Applied Environmental and Biological Sciences*, 7-15.
- Pallant, J. 2007. *SPSS survival manual: A Step by Step Guide to Data Analysis Using SPSS*. Edisi ke 3. Sydney Australia: Allen & Unwin
- Rossje V. Suryaputri dan Fitri Kurniawati. (2020). Analisis Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Niat Beli Produk Halal. *TARAADIN I*(1), September 2020.
- Syazwani Mohd Bakri, Norimah Rambeli@Ramli, Emilda Hashim, Nurhanani Binti Romli, Noor Al-Huda Abdul Karim & Norazrin Amirah Sulaiman. (2018). Faktor Penyertaan Perbelanjaan Insurans dalam Kalangan Isi Rumah Berpendapatan Terendah (B40). *Management Research Journal* 7 (1), 59-74.